

**PHB Umum Agihan Pendapatan 3.30 Sen Untuk Dana AHB
Bernama
9 Apr, 2014**

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Pelaburan Hartanah Bhd (PHB) dan Maybank Asset Management Sdn Bhd (Maybank AM) Rabu mengumumkan agihan pendapatan interim 3.30 sen seunit untuk unit dana hartanah, Amanah Hartanah Bumiputera (AHB), bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Mac, 2014.

Ketua Pegawai Eksekutif Maybank AM Badrul Hisyam Abu Bakar berkata agihan pendapatan ini melibatkan pembayaran kira-kira RM54.3 juta.

"Sejak diperkenal, dana ini membuat tujuh agihan pendapatan yang konsisten berjumlah RM257 juta kepada para pelabur.

"Kami juga gembira terhadap sambutan ke atas AHB setakat ini, dan dana ini terus menerima pertanyaan di cawangan-cawangan Maybank di seluruh negara walaupun sudah habis dilanggan," katanya dalam satu kenyataan Rabu.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan PHB Datuk Kamalul Arifin Othman berkata, pihak pengurusan sentiasa mencari hartanah yang sesuai untuk disuntikan ke dalam AHB supaya saiz dana dapat ditingkatkan.

"Kami juga gembira mengumumkan bahawa Menara 1 Sentrum, bangunan pejabat 27 tingkat di Lot G di KL Sentral, milik kami, sudah siap pada hujung tahun lepas.

"Kami sedang mengisi ruang pejabat dan menyasarkan bangunan ini dapat disiapkan untuk disuntik ke dalam AHB pada 2015.

"Pada masa yang sama, kami juga giat mencari tanah simpanan baharu untuk pembangunan masa depan," katanya, sambil menambah bahawa penambahan kedua sebanyak 500 juta unit yang dilancarkan pada Oktober 2013, telah habis dilanggan dalam tempoh kurang daripada tiga bulan.

Agihan pendapatan AHB, jika ada, akan dibayar atas dasar enam bulan untuk tempoh berakhir 31 Mac dan 30 Sept setiap tahun.

Untuk pelaburan tunai, pembayaran agihan pendapatan akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank pemegang unit pada 15 April 2014, manakala untuk skim pelaburan anggota Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), pembayaran akan dikreditkan ke dalam akaun satu, KWSP.

AHB merupakan dana yang disokong aset patuh Syariah tanpa mengenakan caj jualan. Agihan pendapatannya jika ada, dikecualikan cukai tetapi perlu dibayar zakat.

Ia telah mengagihkan pendapatan stabil sejak penubuhannya pada 2010 dan telah membuat pembayaran bonus tambahan sebanyak 1.00 sen seunit tahun lepas.

Dana itu yang dikhususkan untuk pelabur Bumiputera, membolehkan pelaburan maksimum sebanyak RM400,000 seorang dengan pelaburan masuk minimum sebanyak RM500.

Unit-unitnya yang boleh didapati di semua cawangan Maybank di seluruh negara, dibuka kepada individu Bumiputera berusia tiga bulan dan ke atas.

Dana ini disediakan untuk pelabur yang mahukan pendedahan risiko sederhana dan pendapatan berkala serta potensi jaminan pulangan lebih tinggi menerusi pelaburan strategik PHB dalam hartanah komersil perdana di lokasi paling diminati di bandar-bandar utama Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1029275>